

### Abstrak

Di kawasan tropika sepanjang khatulistiwa, perubahan kawasan hutan ke kawasan agrikultur sering memecahbelahkan habitat primat yang penting. Dalam 30 tahun, 80% daripada hutan tanah rendah berhampiran sungai Kinabatangan di Sabah, Borneo Malaysia, telah diganti ladang sawit (*Elaeis guineensis*). Kini, hanya sekitar 20% daripada populasi asal orang utan (*Pongo pygmaeus morio*) kekal di kawasan ini. Memandangkan majoriti tanah kini dimiliki syarikat-syarikat agrikultur, kami menggunakan sebuah pendekatan pragmatik melalui gabungan kaedah bio-sosial dan penglibatan sains masyarakat dari pengusaha sawit (n=6) sebagai rakan konservasi untuk mengkaji orang utan di tanah milik swasta yang berada di antara pecahan kawasan-kawasan terlindung. Kami mendapati 22 daripada 25 tompok-tompok hutan yang kekal wujud di kawasan ladang sawit (0.5 hingga 242 hektar) yang ditinjau mengandungi sumber makanan dan perlindungan berguna bagi orang utan. Daripada jumlah ini, 20 tompok sering digunakan orang utan jantan yang bergerak jauh, dan di 9 tompok hutan, tinggalnya orang utan betina yang membesarkan anak. Ini memberi indikasi bahawa orang utan mengekalkan sebahagian daripada struktur metapopulasi dinamik normal yang diperlukan untuk kemandiriannya pada peringkat lanskap, meskipun berlakunya perubahan habitat drastik. Kami mendapati cabaran yang timbul dalam konservasi *in situ* di kawasan matriks agroforestri ini berpunca dari miskonsepsi berikut: 1) Amalan pertanian baik memerlukan pengeksklusian hidupan liar; 2) Orang utan yang dilihat di kawasan ladang harusnya “diselamatkan” dan 3) Translokasi adalah strategi konservasi sesuai dan tidak memudaratkan orang utan. Kajian eksploratori kami menjadi contoh bagi kepentingan kaedah bio-sosial serta kolaborasi bersama peladang berskala industri bagi menyokong kemandirian primat di kawasan hutan yang berpecah disebabkan agrikultur.